



## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan  
yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan  
jawatan diiklankan sahaja.**

**PENGUASA (B.2)  
JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta  
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Kerja Raya**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENGUASA  
JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang *Construction / Kejuruteraan Awam / Mechanical Engineering* atau bidang bersesuaian dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.
2. Calon-calon yang telah mengikuti serta lulus dengan kepujian kursus-kursus dalam bidang teknikal yang berkaitan yang dianjurkan atau diakui oleh Jabatan Kerja Raya adalah kelebihan.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**JABATAN KERJA RAYA, CAWANGAN DAERAH BELAIT:**

**UNIT PEMBETUNGAN:**

1. Mengawasi dan bertanggungjawab terhadap operasi dan pemeliharaan loji-loji kumbahan iaitu bertempat di:
  - i. Loji Kumbahan Kampung Pandan Kuala Belait;
  - ii. Loji Kumbahan Los Tanjong Kuala Belait;
  - iii. Loji Kumbahan Sungai Bera, Seria; dan
  - iv. Kolam Oksidasi, Lumut.
2. Membuat dan menyediakan spesifikasi dan pembayaran sebut harga dan tawaran bagi projek-projek yang melibatkan Loji Pembetungan;



3. Membuat perancangan kerja bagi pemberian, pemeliharaan dan operasi loji-loji pembetungan;
4. Mengetuai dan mengawas kakitangan di bawah jagaan Unit Pembetungan (S2/EE3);
5. Mengikuti kursus/taklimat berkaitan tugas untuk perkembangan diri dan Jabatan; dan
6. Menerima dan melaksanakan arahan dari pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**JABATAN SALIRAN DAN PEMBETUNGAN:**

1. Mengetuai kerja-kerja pemeliharaan dan operasional saliran bagi Zon 1;
2. Membuat perancangan, penafsiran dan melaksanakan projek pemeliharaan saliran;
3. Mengetuai Unit Penguatkuasaan Saliran;
4. Sebagai ahli pelan tindakan Pusat Bencana Kebangsaan (Banjir); dan
5. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.